

Guru kumpulan A bergiat cergas dalam politik

Belum diputuskan — PM

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 24 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan masih belum membuat keputusan berhubung cadangan membenarkan guru kumpulan A bergiat aktif dalam politik.

Perdana Menteri berkata, perkara itu masih dalam peringkat kajian.

“Walaupun saya sebut perkara ini dalam Kabinet tetapi barangkali Datuk Najib tak periksa betul dengan apa yang saya kata,” jelas beliau kepada pemberita selepas melancarkan buku *Malaysia: Land Of Eternal Summer* karya Debbie dan David Cook, di Muzium Negara, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas kenyataan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam yang menyatakan kerajaan telah bersetuju membenarkan guru kumpulan A bergiat aktif dalam politik dan memegang jawatan bagi memperkukuhkan kualiti kepimpinan di peringkat akar umbi.

Perdana Menteri berkata, beliau akan merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengetahui sama ada guru-guru kumpulan A boleh dibenarkan berpolitik atau tidak.

“Tetapi saya memberj pendapat bahawa kepimpinan di luar bandar amat terhad. Ini kerana tidak adanya penyertaan guru-guru bermakna orang yang lebih rendah jawatan, kadang-kadang memegang jawatan sebagai ketua cawangan UMNO.

“Dan ketua cawangan UMNO dalam kampung ini berpengaruh juga, jadi kadang-kadang ganggu sikit guru-guru untuk bekerja,” katanya.

Ditanya bagaimana jika pegawai kumpulan A lain juga memohon untuk tujuan yang sama, Dr. Mahathir berkata: “Kalau itu kita kena bagi pada semua tetapi ini (kebenaran kepada guru kumpulan A) keadaan kepimpinan yang terhad di kawasan luar bandar dan masalah yang dihadapi.”

Diminta mengulas cadangan seorang pemimpin Gerakan supaya

■Lihat muka 2

Belum diputuskan — PM

UMNO membuka keahlian kepada bukan Bumi-putera. Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak akan dapat dilaksanakan sekarang memandangkan pada masa ini masing-masing kaum tidak begitu yakin kepentingan mereka dapat dipertahankan di dalam sebuah parti yang tidak mengambil kira kaum.

“Sebab itu kita masih menggunakan sistem ‘gabungan’ kerana dalam sistem gabungan ini ma-

sing-masing kaum mempunyai suara yang tertentu,” katanya.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, mana-mana kaum tidak boleh ditinggalkan semata-mata kerana bilangannya kurang.

“Umpamanya kaum India cuma 10 peratus, mungkin dalam pemilihan pemimpin sebuah parti yang tidak mengambil kira kaum tidak ada langsung orang India yang menjadi pemimpin.

“Oleh itu ia akan me-

nimbulkan perasaan tidak begitu selamat di kalangan mereka sebab itu kita lebih suka menggunakan konsep gabungan kerana ia memberi suara kepada parti yang mewakili kaum-kaum,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, kaum-kaum di negara ini hanya boleh diletakkan di dalam sebuah parti apabila mereka sudah berasa sehati dan menganggap diri mereka rakyat Malaysia dan bukannya dari kaum.

“Kalau tidak kita akan menjadi sesetengah parti walaupun dikatakan tidak mengambil kira kaum dan menerima semua kaum sebagai sama tetapi kita dapati kepimpinan dan keahlian juga terhadap kepada sesuatu kaum...itu yang akan menjadi masalah,” katanya.

Beliau berkata, pada masa ini belum terdapatimbangan yang dapat menghilangkan keraguan dan perasaan terancam oleh mana-mana pihak.